

Universiti tempatan perlu terus diperkasa

BIA 4/2/12 Ms 20

Langkah lahir modal insan berilmu, berkemahiran bantu transformasi negara

Perspektif Majlis
PROFESOR NEGARA

Dr Zakri
Abdul Hamid



AMANAT Tahun Baru 2012 Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada 26 Januari lalu dengan slogan 'Berfikiran global bertindak lokal' adalah suatu 'tour de force' yang melakarakan wawasan beliau untuk mencetuskan anjakan paradigma dalam arena pengajian tinggi semasa.

Frasa 'Berfikiran global bertindak lokal' ini luas digunakan dalam konteks alam sekitar sejak 40 tahun lalu untuk menjelaskan betapa masalah pada peringkat sejagat atau serantau itu hanya boleh diselesaikan pada tahap setempat. Ia juga membawa maksud bahawa sebarang cabaran itu harus diteliti dari dua dimensi: Sejagat dan setempat.

Frasa ini mula digunakan oleh seorang rakyat Scotland, Patrick Geddes pada 1915 dalam merangka strategi sebagai seorang perancang bandar.

Mohamed Khaled percaya sikap sedemikian dalam kalangan ahli akademik dapat membantu transformasi negara melalui 'pembinaan modal insan berilmu dan berkemahiran tinggi, penyelidikan yang bernas dan penghasilan inovasi berimpak tinggi'.

Empat agenda pokok yang boleh merealisasikan slogan ini ialah mewujudkan persekitaran baru kampus; membangunkan modal insan yang unggul dan syumul; meligatkan IPT sebagai hab inovasi dan memperagakan kredibiliti pengajian tinggi Malaysia di pentas dunia.

Unsur penting dalam agenda persekitaran baru kampus ialah pemberian autonomi kepada uni-

versiti tempatan, bermula dengan lima universiti yang tertua iaitu UKM, UM, UPM, USM dan UTM. Langkah ini amat dialu-alukan ahli akademik dan melambangkan keyakinan pihak kerajaan mengenai kematangan universiti tanah air dalam menangani isu kebebasan akademik dan daya urus se-buah universiti itu.

Pemberian autonomi membabitkan governans, kewangan, pengu-rusan sumber manusia dan pengu-rusan akademik termasuk kemau-sukan pelajar memberikan peluang lima universiti di atas ber-gerak dengan lebih ampuh. Bagai-manapun, keistimewaan yang di-anugerahkan ini juga menuntut akauntabiliti tinggi, dalam erti ka-ta sebarang kelekaan di mana-ma-na universiti berkenaan tidak bo-leh dikaitkan dengan kekangan peraturan pentadbiran kerajaan.

Adalah diharapkan dengan au-tonomi, universiti di tanah air akan lebih berupaya menaikkan kewibawaan dan tahap kecemer-langan mereka setanding dengan universiti terkemuka dunia.

Tatkala membincangkan modal insan syumul dan unggul, amat menarik apabila Mohamed Khaled berhujah bahawa dalam memas-tikan kejayaan Model Baru Eko-nomi (MBE) dan Program Trans-

formasi Ekonomi (ETP), sudah ti-dak memadai menghasilkan modal insan semata-mata tetapi graduan ini mestilah padat dengan ilmu dan berkemahiran tinggi dan di-sematkan pula dengan semangat untuk terus berkhidmat di negara ini dan tidak berhijrah keluar.

Menteri Pengajian Tinggi juga menyarankan pembelajaran dan pengajaran di IPT wajar berpak-sikan kepada falsafah 'ilmu dan kemahiran untuk masa depan, dan bukan menyelesaikan masalah se-malam.' Ini memerlukan orientasi semula kurikulum pra dan pas-casiswazah dengan menyisipkan konsep pendidikan liberal dan multidisiplin. Pendekatan sedemik-ian mampu menghasilkan gra-duan mempunyai keupayaan ber-fikir lebih terbuka, kritis dan mampu melihat persoalan negara dan cabaran global dari pelbagai sudut.

Sesungguhnya ini sesuatu pen-dekatan segar dan selari dengan apa yang telah dimulakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini oleh universiti terkemuka di ne-gara maju. Cabaran masa kini be-gitu kompleks, misalnya masalah perubahan iklim atau pembangu-nan mapan, hanya boleh disele-saikan melalui pendekatan yang multidisiplin dan rentas sektor.

Sempena 2012 sebagai Tahun Ge-rakan Inovasi Nasional, Mohamed Khaled menggesa agar universiti memainkan peranan utama dalam penciptaan, pembangunan dan pe-nyebaran inovasi. Namun demik-ian, beliau mengakui pada hari ini masih terdapat kekangan ke-tara membantutkan usaha melon-jakkan inovasi dalam sains dan teknologi.

Bidang sains kurang menarik minat pelajar. Sejak 2007 peratus pelajar sekolah mengambil juru-san sains terus merudum sehingga 29 peratus pada 2012. Trend ini berterusan ke tahap universiti. Pembelajaran sains dianggap su-kar dan membosankan dan sete-rusnya kerjaya sains digambarkan sebagai sesuatu yang kurang me-narik dan tidak menguntungkan.

Sains harus ditonjolkan sebagai asas teknologi dan inovasi, dan inovasi ialah kunci transformasi ke negara maju dan kemakmuran rakyat. Beberapa langkah telah di-cadangkan oleh menteri termasuk menawarkan biasiswa peringkat PhD dalam bidang sains tulen, pe-nyediaan infrastruktur penyelidikan bersesuaian di universiti tem-patan, penubuhan syarikat terbitan universiti untuk memindah-kan hasil penyelidikan ke industri dan laluan kerjaya sains yang jelas dan pelbagai. Kerjasama lebih erat dengan industri akan dijalinan melalui penubuhan pusat kece-merlangan industri (ICoE).

Komitmen Kementerian Penga-jian Tinggi (KPT) untuk memper-kuh kedudukan sains di negara ini, agenda yang juga menjadi fo-kus Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi perlu disokong semua pihak. Langkah KPT yang dilakar-kan di atas adalah pakej padat un-tuk menyokong strategi dan pelan tindakan yang gigih diusahakan Majlis Sains dan Penyelidikan Ke-bangsaan dan Agensi Inovasi Ma-laysia.

Penulis ialah Pengerusi Majlis
Profesor Negara dan Penasihat
Sains Perdana Menteri

Sejak 2007 peratus pelajar sekolah mengambil jurusan sains terus merudum sehingga 29 peratus pada 2012. Trend ini berterusan ke tahap universiti. Pembelajaran sains dianggap sukar dan membosankan dan seterusnya kerjaya sains digambarkan sebagai sesuatu yang kurang menarik dan tidak menguntungkan. Sains harus ditonjolkan sebagai asas teknologi dan inovasi, dan inovasi ialah kunci transformasi ke negara maju dan kemakmuran rakyat